

# WELCOME TO THE AFL



## AFL PERLAWANAN UNTUK SEMUA ORANG

AFL bukan sekadar satu permainan, ia merupakan cara yang menyeronokkan dan interaktif untuk memperkukuh pertalian dengan komuniti tempatan anda serta menawarkan sesuatu kepada semua orang termasuk:

- Suatu cara untuk menyatukan komuniti
- Kebolehan untuk mempelajari kemahiran baharu, sambil meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan
- Peluang untuk membina keyakinan dan memperolehi kawan baru
- Suatu tempat untuk berkongsi cerita, ketawa bersama dan membuat kenangan

**SAMA ADA ANDA MAHU MENONTON, BERMAIN ATAU BERSUKARELA, KETAHUI CARA ANDA BOLEH MELIBATKAN DIRI... LAWATI PLAY.AFL**

### PILIH KELAB ANDA!

Kesemua 18 kelab kami adalah mengagumkan dan ingin mendapatkan sokongan anda! Ia mungkin sukar untuk memilih, walau bagaimanapun di sini adalah beberapa cara untuk memilih pasukan anda:

- Pilih kelab bola sepak tempatan anda
- Warna kegemaran/reka bentuk guernsey
- Maskot kegemaran
- Lagu pasukan



Warna pasukan AFL




**LAWATI PLAY.AFL**



# WELCOME TO THE AFL

## TEMPAT UNTUK BERMAIN

Terdapat program dan pertandingan untuk semua peringkat umur. Untuk mencari kelab yang berdekatan dengan anda dan mengalami permainan tersebut secara langsung, sila lawati [play.afl/club-finder](http://play.afl/club-finder)



Cari kelab terdekat anda secara dalam talian



## TEMPAT UNTUK MENONTON

Permainan AFL dimainkan di stadium di seluruh Australia termasuk MCG yang ikonik yang boleh memuatkan sehingga 100,000 peminat. Suasana tersebut betul-betul mengagumkan dan sesuatu yang harus dialami oleh semua orang.

- Jika anda tidak dapat datang ke permainan langsung, anda masih boleh menontonnya secara langsung di TV
- Kita juga mempunyai aplikasi di mana anda boleh menstrimkan permainan



Tonton perlawanan AFL di TV



Strimkan perlawanan melalui aplikasi AFL

## PROGRAM DUTA KOMUNITI

Jadilah Duta Komuniti AFL dan bantu melibatkan komuniti anda dengan sukan. Anda akan membuat sumbangan penting kepada komuniti anda dan masyarakat yang lebih luas.

Faedah termasuk:

- Sumbangan kepada hasil kesihatan komuniti yang positif melalui sukan
- Suatu peluang untuk memperbaiki kemahiran komunikasi dan silang budaya
- Menyediakan idea untuk pertumbuhan berterusan program Pelbagai Budaya and Peribumi AFL
- Program perkembangan profesional dan kemahiran kebolehpasaran yang lebih baik

Sila hubungi kelab tempatan anda dan ketahui cara anda boleh membuat satu perbezaan, atau sila lawati [play.afl](http://play.afl) untuk maklumat lanjut.



### LAWATI PLAY.AFL